



Dr. Azizah Mohammad
Jabatan Undang-undang Islam
Kuliah Undang-undang Dr. Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak
53100 Kuala Lumpur.

Melalui;
Dato' Professor Dr. Zaleha Kamaruddin
Dekan Kuliah Undang-undang Dr. Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
53100 Kuala Lumpur.

Tarikh: 30 Jun 2009

Assalamualaikum w.b.t.

Puan,

Jemputan Menjadi Ahli Panel Forum Hak-hak Wanita Islam

Dengan segala hormat, perkara di atas dirujuk.

2. Wanita JIM Daerah Gombak dengan kerjasama PAKSI JIM (Pusat Perlindungan Wanita dan Keluarga) serta DUN Selayang akan mengadakan mini seminar yang berbentuk Forum yang bertemakan 'Hak dipenuhi, Bahagia dikecapi'.
3. Sehubungan dengan itu kami ingin menjemput puan sebagai salah seorang Ahli Panel di dalam mini seminar ini. Kami memohon agar puan dapat membicarakan perkara berkaitan nafkah dalam rumahtangga selaras dengan undang-undang Islam untuk dijadikan panduan oleh para peserta.
4. Berikut ialah butiran program;

Tarikh : 18 Julai 2009 (Sabtu)
Tentatif
Program : 0830 Pendaftaran
0900 Bacaan Al-Quran dan Perasmian
0930 Kudapan

Wanita Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia
Daerah Gombak
No 2 Jalan Berjaya 3, Taman Berjaya
68100 Bt Caves, Selangor.

1000 Forum (3 orang Ahli panel)

Dr. Azizah Mohamad

Puan Ezura Nasuha Abd. Hadi

En. Ahmad bin Daud (Peguam Syarie)

1130 Sesi soal jawab dan perbincangan

1230 Makan Tengah hari dan bersurai

Tempat : Dewan JKKK, Kg. Nakhoda, Selayang.

5. Adalah diharapkan, program ini nanti dapat membuka mata ahli masyarakat khususnya wanita tentang hak-hak dan tanggungjawab mereka di dalam rumahtangga agar dapat melahirkan rumahtangga serta masyarakat yang lebih harmoni.

6. Penyertaan puan amat diharapkan bagi menjayakan program ini nanti dan di dahului dengan ucapan Jazakallahu khairan kathira.

Sekian, wassalam.

Yang Benar,



Pn Safina Awaludin
(Pengarah Program)
019-333 1000

Wanita Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia
Daerah Gombak
No 2 Jalan Berjaya 3, Taman Berjaya
68100 Bt Caves, Selangor.